




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 319 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 21,767 kes. Hari ini satu (1) kes kematian dicatatkan iaitu di Daerah Tawau. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 543 pesakit COVID-19 telah discaj / sembahuh dari hospital. Manakala, seramai 2,900 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 714 orang di hospital dan 2,186 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 69 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah pada hari ini.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di Daerah Kota Kinabalu iaitu:
  - (i) Kluster Teluk mencatatkan sebanyak 30 kes berkaitan dengan pekerja tapak pembinaan di Teluk Likas.
- 5 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,010 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 5,541 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,551 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 44.26%.

**B. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG PENGARABAN, KG TANJONG KAPOR DAN KG LANDUNG AYANG, KUDAT**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di tiga (3) lokaliti iaitu Kg Pengaraban, Kg Tanjung Kapor dan Kg Landung Ayang, Kudat bermula 30 Oktober 2020 sehingga 12 November 2020.
- 2 Sehingga 11 November 2020, KKM telah melakukan sebanyak 14,906 saringan kepada penduduk di kawasan ini dan masih terdapat kes aktif di ketiga-tiga lokaliti ini iaitu Kg Pengaraban (21 kes aktif), Kg Tanjung Kapor (10) dan Kg Landung Ayang (54).
- 3 Pada masa yang sama, terdapat sejumlah besar sampel ujian saringan yang masih menunggu keputusan.
- 4 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, kerajaan bersetuju supaya PKPD di Kg Pengaraban, Kg Tanjung Kapor dan Kg Landung Ayang dilanjutkan untuk tempoh dua (2) minggu lagi iaitu bermula 13 November sehingga 26 November 2020.

**C. PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN SUMBANGAN DAN BANTUAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT DAN ORANG PERSENDIRIAN**

- 1 Kerajaan negeri mengalu-alukan sumbangan daripada semua NGO, syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan orang persendirian. Kerajaan Negeri telah membangunkan SOP yang akan diselaraskan oleh Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran).

- 2 Bagi tujuan tersebut, penyumbang yang berada di negeri Sabah hendaklah memaklumkan Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum penyampaian sumbangan/bantuan. Manakala, bagi penyumbang dari luar negeri Sabah, sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penyampaian sumbangan/bantuan.
- 3 Bagi penyumbang/individu dari luar Negeri Sabah WAJIB mendapatkan kelulusan khas masuk ke negeri ini sebelum memasuki negeri Sabah daripada Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan. Disertakan SOP Pengurusan Sumbangan dan Bantuan seperti di **Lampiran**.

#### **D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **160,962** bakul makanan telah diagihkan.

#### **E. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 67 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 53,162 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 119 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 30 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.65%.
- 2 Tiga Daerah mencatatkan kadar pematuhan yang tinggi iaitu Kinabatangan (99%), Sipitang (99%) dan Kota Kinabalu (98.63%). Manakala tiga daerah yang mencatatkan kadar pematuhan yang terendah iaitu Semporna (95%), Kota Belud (96%), dan Ranau (96%).
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 41 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 20 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di 12 premis di tujuh (7) buah daerah iaitu Semporna, Beluran, Kota Kinabalu, Penampang, Kota Marudu, Kinabatangan dan Tawau.

- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 86 lokasi di 15 buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
12 November 2020

## LAMPIRAN



### **PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN SUMBANGAN & BANTUAN DARIPADA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO's), SYARIKAT SWASTA, PEMIMPIN MASYARAKAT & ORANG PERSENDIRIAN**

Tarikh dikemaskini : 10 November 2020

Kawasan yang terlibat	Tempoh kuat kuasa	Prosedur Operasi Standard (SOP)		Aktiviti yang dilarang
		Aktiviti yang dibenarkan		
Seluruh kawasan PKPB dan PKPD di negeri Sabah	Sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB dan PKPD di negeri Sabah.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Memaklumkan Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum penyampaian sumbangan / bantuan bagi penyumbang yang berada di negeri Sabah atau bagi penyumbang dari luar negeri Sabah, sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penyampaian sumbangan / bantuan dengan menyatakan maklumat seperti yang berikut:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Latar belakang ringkas penyumbang / organisasi;</li> <li>Jenis dan bentuk sumbangan / bantuan;</li> <li>Bilangan penerima yang dicadangkan;</li> <li>Lokasi pengagihan sumbangan / bantuan; dan</li> <li>Jadual penghantaran sumbangan / bantuan ke lokasi (jika berkenaan).</li> </ol> </li> <li>Penyumbang/ individu dari luar negeri Sabah yang bukan berasal dari negeri Sabah <b>WAJIB</b> mendapatkan <b>Kelulusan Khas Masuk Ke Negeri Sabah</b> sebelum memasuki negeri Sabah. Semua kemasukan ke negeri Sabah hendaklah mematuhi SOP lain yang sedang berkuat kuasa. Sila layari laman sesawang <a href="https://hednp.sabah.gov.my/">https://hednp.sabah.gov.my/</a> untuk memohon Kelulusan Khas tersebut.</li> <li>Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) akan menyelaras maklumat tersebut dengan Pengerusi Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB) yang berkenaan, untuk tindakan bersama-sama Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA) di daerah tersebut.</li> <li>Semasa pengagihan sumbangan / bantuan di lokasi pengagihan, penyumbang atau wakilnya <b>WAJIB</b> untuk:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Memeriksa suhu badan dan pastikan tidak bergejala;</li> <li>Memakai pelitup muka setiap masa;</li> <li>Sentiasa menggunakan <i>hand-sanitiser</i>;</li> <li>Mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara individu;</li> <li>Terhad kepada lima (5) orang wakil sahaja, tertakluk kepada kebenaran Pengerusi PKOB Daerah tersebut.</li> </ol> </li> <li>Pengagihan sumbangan / bantuan kepada golongan sasar <b>WAJIB</b> diiringi oleh petugas PKOB Daerah yang terdiri sama ada daripada PDRM, RELA, APM atau JPKA daerah ke lokasi pengagihan sumbangan / bantuan.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa pengetahuan Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran) dan PKOB Daerah yang berkenaan.</li> <li>Memasuki kawasan-kawasan PKPD tanpa kebenaran daripada pihak yang berwajib.</li> <li>Membuat program / gimmick yang melibatkan orang ramai berkumpul atau berhimpun.</li> <li>Mengagihkan sumbangan / bantuan tanpa diliringi oleh petugas PKOB Daerah atau pasukan keselamatan.</li> <li>Mengingkari SOP atau arahan yang sedang berkuat kuasa.</li> </ol>	



### **STANDARD OPERATING PROCEDURES (SOP) CONTRIBUTION & ASSISTANCE FROM NON-GOVERNMENTAL ORGANISATIONS (NGOS), PRIVATE COMPANIES, COMMUNITY LEADERS & INDIVIDUAL**

Last Updated : 10 November 2020

Enforced areas	Duration	Standard Operating Procedures (SOP)		Prohibited Activities
		Authorised Activities		
All areas under CMCO and EMCO in Sabah.	During the period of CMCO and EMCO in Sabah.	<ol style="list-style-type: none"> <li>To notify the Deputy State Secretary (Administration) Office at least three (3) days prior to delivery of donations / assistance from contributors in Sabah or assistance from contributors outside Sabah for at least seven (7) days prior to the delivery of donations / assistance by providing the following information:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Brief background of contributors / organisations;</li> <li>Types and forms of contribution / assistance;</li> <li>Number of proposed recipients;</li> <li>Contribution / assistance distribution location; and</li> <li>Delivery schedule of contributions / assistance to location (if applicable).</li> </ol> </li> <li>Non-Sabahan contributors/ individuals outside of Sabah are REQUIRED to obtain Special Approval prior to entering Sabah and complying with all relevant SOP's. Please visit the <a href="https://hednp.sabah.gov.my/">https://hednp.sabah.gov.my/</a> to apply for Special Approval.</li> <li>The Deputy State Secretary (Administration) Office will coordinate the information with Chairman of respective District Disaster Operations Control Centre (PKOB) for co-op implementation with the Department of General Welfare Services (JPKA) according to the respective district.</li> <li>During the distribution of contributions / assistance at the distribution location, the contributor or his/her representatives are REQUIRED to :           <ol style="list-style-type: none"> <li>Check the body temperature and to ensure no symptoms of Covid-19;</li> <li>Wearing face mask at all times;</li> <li>Always use hand-sanitiser;</li> <li>Practice physical distancing of at least 1 meter between individuals; and</li> <li>Limited to five (5) representatives only, subject to the permission of the Chairman of the District PKOB.</li> </ol> </li> <li>The distribution of contributions / assistance to the targeted groups <b>MUST</b> be accompanied by the District PKOB personnel comprising of either District PDRM, RELA, APM or JPKA to the respective distribution locations.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Distribution of donations / assistance without the knowledge of the Deputy State Secretary (Administration) office and the respective District PKOB.</li> <li>Entering EMCO areas without permission from the relevant authorities.</li> <li>Creating programs / gimmicks involving large gatherings or assembly.</li> <li>Distribute contributions/ assistance without being accompanied by district PKOB personnel or security forces.</li> <li>Disobeying any SOP and instructions that have been issued by the authorities.</li> </ol>	